



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**SYARAT-SYARAT LESEN UNTUK MENGADAKAN ATAU MENGANJURKAN ACARA ATAU
KEJOHANAN PENANGKAPAN IKAN REKREASI (SPORT FISHING) DI PERAIRAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM
DI BAWAH BAB 8 (1) DAN BAB 23, PERINTAH PERIKANAN, 2009**

1. Lesen ini (bilangan) adalah khusus untuk mengadakan atau menganjurkan acara atau kejohanan penangkapan ikan rekreasi (Sport Fishing) yang dianjurkan oleh(nama penganjur / nama syarikat) di..... (tempat mengadakan).
2. Alat yang digunakan oleh peserta-peserta yang ikut serta acara atau kejohanan penangkapan ikan rekreasi (*Sport Fishing*) hanya terhad kepada alat pancing yang tidak melebihi 2 mata kail sahaja. Menggunakan alat menangkap ikan yang lain adalah tidak dibenarkan.
3. Lesen yang dikeluarkan hanya dibenarkan untuk digunakan oleh pemilik lesen sahaja.
4. Pemegang lesen hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi yang berkenaan seperti Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkaitan.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan supaya mana-mana ikan atau spesis yang dinyatakan dibawah yang dipancing atau ditangkap hendaklah dilepaskan dengan serta-merta tanpa merosakkan ikan atau spesis berkenaan:-
 - 5.1 udang bakara yang bertelur
 - 5.2 udang bakara yang panjang kepala (*carapace*) bersaiz kurang daripada 7.5 cm;
 - 5.3 udang galah yang bertelur;
 - 5.4 semua spesis ikan yu;
 - 5.5 ikan lumba-lumba (*dolphin*);
 - 5.6 ketam yang bertelur;
 - 5.7 dugong; dan
 - 5.8 penyu
6. Maklumat catatan hasil tangkapan hendaklah dikongsikan kepada Jabatan Perikanan selepas tamatnya tempoh bagi satu lesen yang dikeluarkan.
7. Pemegang lesen hendaklah menyediakan senarai peserta-peserta yang mengikuti acara atau kejohanan untuk diserahkan ke Jabatan Perikanan jika diperlukan.
8. Pemegang lesen hendaklah memastikan peserta-peserta acara atau kejohanan **tidak**:



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

- a) menangkap ikan dalam lingkungan 500 meter daripada pelantar-pelantar minyak dan gas serta berdekatan saluran gas dan minyak luar pantai Negara Brunei Darussalam;
- b) menangkap ikan di kawasan perlindungan marin (*Marine Protected Areas*);
- c) menghampiri atau menangkap ikan di kawasan 500 meter dari sangkar ternakan ikan luar pantai;
- d) menghampiri atau menangkap ikan di kawasan 30 meter dari sangkar ternakan ikan persisiran pantai; dan
- e) membuang sebarang peralatan menangkap ikan yang digunakan samada yang telah rosak atau yang tidak digunakan lagi di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam.

Nota:

- Bayaran lesen adalah B\$50.00 bagi satu acara atau kejohanan yang diadakan.
- Pegawai-Pegawai Yang Diberikuasa mestilah dibenarkan menaiki dan memeriksa perahu serta peralatan memancing pada bila-bila masa.
- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
- Lesen boleh dibatalkan atau digantung pada bila-bila masa jika didapati mana-mana peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan tidak dipatuhi.
- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang berkuatkuasa pada masa ini.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.

Nama : _____

Jawatan : _____

Syarikat dan Alamat : _____


No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____ (ofis) _____ (hp) _____ (fax)

Emel : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____



UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

